

## Confirmatory Factor Analysis of Determinants of Entrepreneurship Career Inclination among Entrepreneurship Club Members in Secondary School

### Analisis Faktor Pengesahan Bagi Peramal Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Ahli Kelab Keusahawanan Sekolah Menengah

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang<sup>a</sup>, Wan Izyani Adilah Wan Mohamad<sup>b\*</sup>, Ibrahim Mamat<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Institut Darul Iman, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

<sup>b</sup>Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

<sup>c</sup>Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

\*Corresponding author: izyaniadilah@unisza.edu.my

**Article history:** Received: 10 May 2020 Received in revised form: 06 May 2021 Accepted: 15 May 2021 Published online: 31 August 2021

#### Abstract

Entrepreneurship is a tool that the Malaysian Government used to uplift income from the middle-income trap. Therefore, this study aims to identify the predictor factors that influence the inclination of entrepreneurship club members towards the entrepreneurship career by using factor analysis to achieve the Government goal through the Ministry of Education Malaysia. In other words, this study uses several tests related to validation factor analysis to determine the predictor factors that influence the propensity of entrepreneurship club members towards entrepreneurship careers. This study involved 161 respondents who were members of secondary school entrepreneurship clubs in the State of Terengganu who were randomly selected. Data gathered were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) involving factor analysis and descriptive test. The factor analysis has identified nine predictor factors. The first predictor factor is role model, followed by a barrier, social identity, personality, entrepreneurship skill, social norm, financial, entrepreneurship knowledge, and prosperity. Prosperity was the new predictor factor that was identified using factor analysis in this research. The descriptive test found that the most influenced predictor factor of the entrepreneurship career inclination was finance, followed by personality, social identification, role model, social norm, prosperity, and barrier. Meanwhile, entrepreneurship knowledge was found as a predictor factor which uncertain in influencing the entrepreneurship career inclination among secondary school entrepreneurship club members in the State of Terengganu. The results of this study imply that the Government should give financial factors the priority through the Ministry of Education in formulating policies towards producing more young generation of entrepreneurs in Malaysia because that predictor has a positive impact on secondary school students who were the members of entrepreneurship clubs.

**Keywords:** Confirmatory factor analysis; predictor factor; entrepreneurship career inclination; entrepreneurship club member; secondary school student

#### Abstrak

Keusahawanan di Malaysia hari ini dijadikan sebagai satu alat oleh Kerajaan untuk membawa negara keluar dari perangkap pendapatan pertengahan. Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan terhadap kerjaya keusahawanan melalui analisis faktor adalah sangat penting untuk mencapai matlamat Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam erti kata lain, kajian ini menggunakan beberapa ujian berkaitan dengan analisis faktor pengesahan untuk menentukan faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan terhadap kerjaya keusahawanan. Kajian ini melibatkan seramai 161 responden adalah ahli kelab keusahawanan sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu yang terpilih secara rawak. Data responden dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) melibatkan analisis faktor dan deskriptif. Hasil analisis faktor menghasilkan sembilan faktor peramal. Faktor peramal pertama adalah model peranan, diikuti halangan, pengenalan sosial, personaliti, kemahiran keusahawanan, norma sosial, kewangan, pengetahuan keusahawanan dan kemakmuran. Kemakmuran adalah faktor peramal baharu yang dikenal pasti melalui analisis faktor. Dapatan ujian deskriptif pula mendapati faktor peramal yang amat mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli kelab keusahawanan adalah kewangan, diikuti personaliti, pengenalan sosial, model peranan, norma sosial, kemakmuran dan halangan. Manakala pengetahuan keusahawanan adalah faktor peramal yang tidak pasti mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa faktor kewangan perlu diberikan keutamaan oleh pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan dalam membentuk polisi ke arah melahirkan lebih ramai generasi muda usahawan di Malaysia kerana peramal tersebut mendatangkan impak positif kepada pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelab keusahawanan.

**Kata kunci:** Analisis faktor pengesahan; faktor peramal; kecenderungan kerjaya keusahawanan; ahli kelab keusahawanan; pelajar sekolah menengah

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## ■1.0 PENGENALAN

Kejayaan perniagaan kecil negara membangun menjadi enjin utama penciptaan pekerjaan, pertumbuhan pendapatan dan pengurangan kemiskinan. Alasan ini menjadi penyebab negara-negara maju dan membangun memberikan sokongan besar terhadap keusahawanan. Sokongan Kerajaan yang diberikan kepada keusahawanan bukan sahaja untuk memulakan perniagaan individu dan bebas atau menyokong peningkatan perusahaan berskala kecil dan sederhana, malah membolehkan usahawan memasuki pasaran dengan idea dan produk baharu dan unik pada masa yang sama (H. Anil & Y. Burçak, 2015). Begitu juga di Malaysia, Kerajaan berusaha gigih untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda yang dinamik dan berdaya saing. Antara usaha Kerajaan termasuklah menyediakan program keusahawanan, peluang perniagaan dan sumber kewangan kepada individu yang ada niat untuk menjadi usahawan. Usaha memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai kepentingan melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan supaya mereka menjadikan kerjaya usahawan pilihan utama menikmati hasil kekayaan negara (Wan Mohd Zaifurin et al., 2016).

Maka dalam artikel ini kami menyorot semula kajian lalu mengenai faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan individu terhadap kerjaya keusahawanan. Anna et al., (2014) dalam kajiannya mendapati penduduk di negara Eropah yang mempunyai pendidikan tinggi dan profesional menggunakan wang simpanan sendiri untuk memulakan keusahawanan. Mereka menggunakan hasil penjimatan dari pendapatan pekerjaan sebagai modal permulaan keusahawanan tanpa pembiayaan luaran. Manakala Jonathan et al., (2019) dalam kajiannya mengatakan keinginan individu terhadap keusahawanan didorong oleh faktor kewangan. Keusahawanan membolehkan individu menambahkan kewangan diri dan menaikkan taraf kehidupan pada masa hadapan.

Sementara itu, Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim (2019) dalam kajiannya mendapati faktor model peranan menjadi penyebab kepada ahli kelab keusahawanan sekolah menengah cenderung terhadap kerjaya keusahawanan. Ibu bapa mengubah diri dan bertindak sebagai model peranan dengan menggalakan mereka menjadi usahawan selepas menamatkan alam persekolahan. Rahimah et al., (2019) dalam kajiannya pula mendapati pelajar sarjana tahun pertama yang mendaftar kursus keusahawanan di Universiti Putra Malaysia mempunyai peluang untuk bekerja dan menerima pendedahan luas, sokongan dan panduan langsung dari mentor. Mentor membantu meningkatkan minat mereka untuk menceburi keusahawanan fesyen kerana dapat melihat lebih banyak peluang sedia ada dalam bidang keusahawanan dan menjadi daya pendorong mengembangkan kecenderungan kerjaya keusahawanan.

Sekumpulan penyelidik telah memberi tumpuan kepada personaliti individu untuk meramalkan kecenderungan keusahawanan. Kajian oleh Badariah et al., (2016) mendapati pelajar yang mengikuti program keusahawanan Universiti Utara Malaysia tidak mempunyai keperluan untuk pencapaian dan lokus kawalan. Badariah et al., (2016) dalam kajiannya memberi cadangan bahawa Kerajaan harus menekankan unsur-unsur dan kandungan silabus berkaitan dengan keperluan pencapaian dan lokus kawalan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan program keusahawanan kerana membawa kepada tenaga kerja yang produktif, gembira dan mantap. Universiti dan institusi pengajian tinggi harus mengubahsuaikan hasil pembelajaran mereka untuk memastikan pelajar dapat mengetahui lebih lanjut mengenai kepentingan keusahawanan kerana memberi manfaat kepada mereka pada masa akan datang. Cadangan Badariah et al., (2016) dipersetujui Viet dan Thien (2019) mengatakan pendidik perlu melakukan usaha untuk menggalakkan keperluan pencapaian dalam minda pelajar melalui kursus yang diajarkan di universiti. Manakala kajian Ben dan Alaleh (2017) pula mendapati pelajar Taiwan mempunyai keperluan untuk pencapaian yang tinggi tetapi mereka tidak cenderung melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan.

Wan Mohd Zaifurin (2016) dalam kajiannya mendapati antara pengaruh yang dikenal pasti menjadi penghalang ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan ialah kekurangan ilmu pengetahuan, kemahiran, sumber kewangan atau modal dan keyakinan diri. Mereka juga tidak mengetahui secara mendalam mengenai operasi perniagaan yang ingin dibeberu seperti harga jual dan beli produk serta cara berurusan dengan pembekal. Urusan jual beli produk dari pembekal untuk jualan di kios perniagaan dilakukan oleh guru pembimbing tanpa melibatkan ahli kelab. Maka tanpa ilmu pengetahuan, kemahiran, sumber kewangan dan emosi yang stabil menjadi faktor penghalang kepada ahli Program Tunas Niaga untuk melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan pada masa hadapan.

Kajian Zaidatol Akhmaliyah dan Afsaneh (2011) mendapati pelajar sekolah menengah vokasional dan teknikal di Malaysia mempunyai pengenalan sosial di tahap tinggi kerana merasakan dirinya dihargai orang sekeliling jika menceburi kerjaya keusahawanan. Pelajar sekolah menengah cenderung menceburi kerjaya keusahawanan kerana orang sekeliling mahu mereka menjadi usahawan. Lain pula penemuan Norudin et al., (2011) dalam kajiannya yang mendapati segelintir pelajar sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu ingin bekerja sebagai usahawan kerana faktor norma sosial. Tekanan daripada keluarga, guru dan rakan-rakan mempengaruhi pelajar untuk menjadi usahawan. Namun begitu, Te et al., (2019) dalam kajiannya mendapati norma sosial tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti.

Selain itu, Zulnaidi dan Mohd Kamil (2018) dalam kajiannya mendapati pengetahuan keusahawanan adalah faktor yang mempengaruhi individu menceburi kerjaya keusahawanan. Penemuan ini selari dengan dapatan Noorazman et al., (2019) dan Viet dan Thien (2019) yang mengatakan bahawa pengetahuan keusahawanan adalah faktor penting dalam mendorong individu menceburi kerjaya keusahawanan. Malah, Noorazman et al., (2019) dan Viet dan Thien (2019) mengatakan program latihan keusahawanan di universiti dan kolej komuniti adalah sangat penting untuk meningkatkan inisiatif pelajar ke arah permulaan perniagaan. Program ini menyediakan pengetahuan perancangan perniagaan untuk usahawan muda dan membina keyakinan pelajar yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Dalam masa yang sama, program ini boleh membentuk minda dan kecenderungan keusahawanan pada tahap tinggi. Oleh demikian, pembuat dasar pendidikan keusahawanan boleh mendapat manfaat jika mereka membuat dasar yang boleh mempengaruhi minda dan kecenderungan pelajar.

Affero et al., (2019) pula mengatakan program keusahawanan anjuran universiti dapat memberi kemahiran keusahawanan kepada pelajar. Program ini juga memberi ruang kepada pelajar berinteraksi dengan syarikat korporat yang menganjurkan program keusahawanan. Namun begitu, usaha masih lagi diperlukan untuk meningkatkan program keusahawanan di peringkat pendidikan tinggi supaya pelajar menjadi dekat bidang keusahawanan. Moussa dan Todd (2019) mendedahkan Negara Rwanda memperbaharui kursus keusahawanan menengah atas dengan memperkenalkan pedagogi interaktif dan tumpuan kepada kemahiran perniagaan. Situasi ini terjadi kerana wujud sebahagian besar (72 peratus) pekerja muda Negara Rwanda bekerja untuk firma keluarga atau bekerja sendiri. Situasi ini mungkin terjadi kerana sekolah gagal memberi kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan firma kecil. Penyelidik lain seperti Entika et al., (2017) dan Andrea et al., (2019) mengatakan akses kepada tenaga kerja berkemahiran sangat diperlukan untuk membina kecekapan kerana kemahiran adalah perkara kritikal dalam kerjaya keusahawanan.

Berdasarkan kepada sorotan semula dapatan kajian lalu jelas mendapati terdapat lapan faktor peramal iaitu kewangan, model peranan, personaliti, halangan, pengenalan sosial, norma sosial, pengetahuan keusahawanan dan kemahiran keusahawanan yang mempengaruhi kecenderungan individu ke arah kerjaya keusahawanan. Perbezaan penemuan penyelidik lalu membantu kajian ini untuk mengetahui mengapa ada faktor peramal tertentu mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan sekolah menengah ke arah kerjaya keusahawanan.

## ■2.0 PENYATAAN MASALAH

Pembangunan keusahawanan di Malaysia menjadi semakin penting sama ada dari segi dasar dan inisiatif. Kerajaan telah menggunakan pembangunan keusahawanan bukan sahaja untuk meningkatkan tahap ekonomi, malah sebagai satu alat menolak negara keluar dari perangkap pendapatan pertengahan (SME Corp, 2016). Maka tidak hairanlah Kerajaan mengadakan kelab keusahawanan untuk melahirkan generasi muda terutamanya pelajar sekolah menengah supaya cenderung ke arah kerjaya keusahawanan. Kelab keusahawanan mempunyai peranan sebagai tempat untuk menyampai pengetahuan dan memberikan latihan keusahawanan yang bertujuan memupuk kecenderungan pelajar sekolah menengah supaya bekerja sebagai usahawan agar dapat menghasilkan pendapatan dalam sektor ekonomi selepas mereka menamatkan persekolahan. Sorotan semula terhadap kajian lalu mendapati generasi muda cenderung menceburi kerjaya keusahawanan pada masa hadapan adalah disebabkan oleh faktor peramal tertentu yang mempengaruhi kecenderungan mereka. Zaidatol Akhmaliyah dan Afsaneh (2011), Norudin et al., (2011), Moussa dan Todd (2019), Noorazman et al., (2019), Viet dan Thien (2019) dan Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim (2019) merupakan antara individu menjalankan penyelidikan melibatkan faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan generasi muda terhadap kerjaya keusahawanan. Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui mengapa faktor peramal tertentu boleh mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan sekolah menengah menceburi kerjaya keusahawanan dengan menggunakan analisis faktor pengesahan.

## ■3.0 ANALISIS FAKTOR

Analisis faktor melibatkan teknik untuk mengenal pasti kumpulan pernyataan yang berkait antara satu sama lain bagi mengesahkan sama ada masih kekal, berpindah atau membentuk pembolehubah baharu. Analisis ini digunakan sebagai langkah awal sebelum pengolahan data yang bersifat lebih besar atau kompleks seperti ujian korelasi dan regresi. Analisis ini adalah teknik multivariat menitik beratkan data yang mempunyai hubungan erat secara bersama pada sekelompok pembolehubah tidak bersandar. Hair et al., (2010) mengatakan analisis faktor merupakan unit analisis untuk memilih pembolehubah tidak bersandar. Hasil analisis faktor digunakan dalam teknik multivariat lain untuk memenuhi objektif kajian.

Tujuan kajian ini menggunakan analisis faktor yang disyorkan oleh Hair et al., (2010) adalah untuk mencari beberapa faktor tersirat daripada sekumpulan besar item pernyataan yang berfungsi sebagai pembolehubah tidak bersandar setelah semua responden selesai memberi jawapan. Item pernyataan dalam Bahagian B instrumen dikelompokkan semula kepada beberapa faktor menggunakan putaran *varimax*. Setiap faktor yang berjaya dikenal pasti melalui putaran *varimax* menjadi kombinasi linear kepada kumpulan item pernyataan. Namun begitu, tidak semua item pernyataan ini mampu berkorelasi dengan baik di setiap faktor. Justeru itu, hanya beberapa item pernyataan bererti sahaja diambil dari setiap faktor. Akhirnya kajian ini menamakan setiap faktor berdasarkan kepada senarai pendek yang diperolehi.

## ■4.0 METODOLOGI

Kajian ini melibatkan seramai 162 orang ahli kelab keusahawanan sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu yang terpilih secara rawak. Jumlah tersebut dianggap mencukupi dan sesuai mengikut cadangan Krejcie dan Morgan (1970) iaitu saiz populasi seramai 200 orang memerlukan sampel 132 responden. Setiap responden diberikan satu set instrumen soal selidik mengandungi 56 item pernyataan yang berada dalam lapan pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor peramal. Kesemua item pernyataan berbentuk respon Skala Likert satu hingga lima mata memerlukan setiap responden menyatakan darjah persetujuan mereka sama ada (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibentuk oleh Wan Mohd Zaifurin (2016) dan dimurnikan semula mengikut kesesuaian penyelidikan ini.

Ujian rintis dijalankan pada 1 Oktober 2017 melibatkan seramai 15 responden. Hasil daripada ujian rintis mendapati nilai pekali kebolehppercayaan *Cronbach's Alpha* faktor peramal berada antara 0.626 hingga 0.964. Instrumen soal selidik ini digunakan dalam kajian sebenar kerana menurut Hair et al. (2010) ukuran kebolehppercayaan berada antara nilai 0.60 hingga 0.70 dianggap had penerimaan paling minimum. Pengumpulan data kajian ini dijalankan selama sebulan pada bulan Oktober 2017 dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 162 responden. Namun begitu, seorang responden dikeluarkan dari kajian ini kerana jawapannya tidak bertaburan normal.

Analisis faktor dalam kajian ini menggunakan Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) untuk mengetahui sama ada item pernyataan dalam instrumen masih kekal berada di setiap faktor peramal asal atau membentuk konstruk baharu. Kajian ini menggunakan analisis faktor yang melibatkan pengiraan matriks korelasi, pengestrakan faktor dan pemutaran yang melibatkan penilaian Kaiser-Meyer-Olkin (MSO) - *Measure of Sampling Adequacy* (MSA), Ujian Bartlett's, communaliti, nilai eigen, skree plot dan matrik komponen. Faktor peramal pertama dalam borang soal selidik sebelum kajian ini menjalankan analisis faktor ialah kewangan (simbol 1A sehingga 7A), diikuti model peranan (simbol 1B sehingga 9B), personaliti (simbol 1C sehingga 11C), halangan (simbol 1D sehingga 10D), pengenalan sosial (simbol 1E sehingga 5E), norma sosial (simbol 1F sehingga 5F), pengetahuan keusahawanan (simbol 1G sehingga 3G) dan kemahiran keusahawanan (simbol 1H sehingga 6H) sepertimana ditunjukkan pada Jadual 1.

**Jadual 1** Faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan.

No. item	Faktor peramal dan pernyataan	Simbol
<b>Kewangan</b>		
1	Saya boleh mewarisi kekayaan kepada anak-anak jika melibatkan diri dalam bidang keusahawanan	1A
2	Saya mampu memperoleh pendapatan lumayan jika melibatkan diri dalam bidang keusahawanan	2A
3	Saya boleh membina kekayaan jika menjadi usahawan	3A
4	Kepesatan ekonomi merupakan peluang baik untuk saya mendapatkan banyak wang jika menjadi usahawan	4A
5	Saya mampu menikmati kehidupan yang mewah sekiranya bergantung kepada perniagaan	5A
6	Saya mendapat keuntungan berganda jika memulakan perniagaan sendiri	6A
7	Saya mungkin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan untuk mencari rezeki	7A
<b>No. item Faktor peramal dan pernyataan Simbol</b>		
<b>Model peranan</b>		
1	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri seperti bekas ahli Program Kokurikulum Keusahawanan lakukan	1B
2	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri supaya menjadi ikutan saudara-mara	2B
3	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri supaya menjadi ikutan kawan-kawan	3B
4	Kawan rapat menggalakkan saya menjadi usahawan	4B
5	Ahli keluarga menyokong saya menjadi usahawan	5B
6	Kejayaan orang lain menjadi pendorong kepada saya menjadi usahawan	6B
7	Rakan sekelas menggalakkan saya menjadi usahawan	7B
8	Guru kelas menggalakkan saya menjadi usahawan	8B
9	Guru pembimbing menggalakkan saya menjadi usahawan	9B
<b>Personaliti</b>		
1	Saya boleh menghadapi cabaran baru	1C
2	Saya seorang yang berani menghadapi risiko	2C
3	Saya sentiasa cuba mencapai sesuatu yang lebih baik	3C
4	Saya sentiasa membaiki kelemahan diri	4C
5	Saya seorang yang suka bekerja kuat	5C
6	Saya seorang yang kuat pegangan agama	6C
7	Saya mudah mendapat kawan	7C
8	Saya memahami diri saya	8C
9	Saya seorang yang peramah	9C
10	Saya seorang yang berdikari	10C
11	Saya berbangga dengan hasil kerja saya	11C
<b>Halangan</b>		
1	Saya tidak berkebolehan mengumpul maklumat untuk menganggarkan potensi jualan seperti ramalan jualan	1D
2	Saya tidak berkebolehan menyediakan unjuran penyata seperti penyata aliran tunai	2D
3	Saya tidak berkebolehan mengubah sesuatu idea menjadi lebih menarik	3D
4	Saya tidak mahir dalam mengenal pasti peluang perniagaan	4D
5	Saya tidak ada cita-cita menyimpan wang untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan	5D
6	Saya tidak memperoleh pendapatan terjamin jika menjadi usahawan	6D
7	Saya tidak mendapat ruang masa yang lebih banyak untuk kehidupan peribadi sekiranya menjadi usahawan	7D
8	Melibatkan diri dalam bidang keusahawanan bukan satu pelaburan amat baik di masa depan	8D
9	Saya tidak tahu perkara perundangan dalam bidang keusahawanan	9D
10	Saya tidak yakin idea perniagaan saya boleh diterima masyarakat	10D
<b>Pengenalan sosial</b>		
1	Saya merasai diri dihargai kawan-kawan jika menjadi usahawan	1E
2	Saya merasa diri dihargai masyarakat jika menjadi usahawan	2E
3	Saya merasai diri dihargai saudara-mara jika menjadi usahawan	3E
4	Saya merasa diri dihargai keluarga jika menjadi usahawan	4E
5	Saya percaya kawan rapat saya akan dihargai masyarakat jika menjadi usahawan	5E
<b>Norma sosial</b>		
1	Tokoh usahawan di Malaysia bukan contoh terbaik untuk saya ikuti sebagai panduan menjadi usahawan	1F
2	Saya percaya hasil kerja orang yang berjaya dalam perniagaan tidak diiktiraf dalam masyarakat	2F
3	Sekolah tidak menggalakan saya berniaga sendiri	3F
4	Bekas pelajar sekolah yang memulakan perniagaan tidak mengajak saya berniaga	4F
5	Saya tidak ada rakan sekolah mempunyai idea yang baik untuk memulakan perniagaan	5F
<b>Pengetahuan keusahawanan</b>		
1	Saya masih kekurangan maklumat keusahawanan	1G
2	Saya masih kekurangan pengalaman keusahawanan	2G
3	Saya mahu menambahkan lagi pengetahuan keusahawanan	3G
<b>Kemahiran keusahawanan</b>		
1	Saya boleh menyediakan pelan perniagaan	1H
2	Saya boleh menguruskan perniagaan	2H
3	Saya ada kemahiran keusahawanan	3H
4	Saya berkeupayaan berkomunikasi dengan baik	4H
5	Saya boleh mendapatkan lesen perniagaan dari agensi kerajaan	5H
6	Saya boleh memulakan perniagaan	6H

Kajian ini memberi simbol kepada setiap item pernyataan dalam pembolehubah faktor peramal supaya analisis faktor dapat dijalankan dengan lebih mudah. Manakala bagi mengukur tahap persetujuan setiap faktor peramal, jadual interpretasi min sepertimana ditunjukkan pada Jadual 2 digunakan dalam kajian ini sebagai panduan. Jadual tersebut menjelaskan bahawa semakin tinggi min faktor peramal

memberi makna tahap persetujuan menjadi lebih baik. Pengiraan min mengikut tahap persetujuan yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil ubah suai dan adaptasi berdasarkan saranan Mohd Najib (1999).

**Jadual 2** Tahap persetujuan kebarangkalian faktor peramal mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan mengikut julat min.

Julat min	Tahap persetujuan kebarangkalian faktor peramal mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan
0.00 – 1.00	Sangat tidak setuju
1.01 – 2.00	Tidak setuju
2.01 – 3.00	Tidak pasti
3.01 – 4.00	Setuju
4.01 – 5.00	Sangat Setuju

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Langkah awal dalam analisis faktor ialah menentukan sama ada data yang dikumpul sesuai untuk dibuat analisis seterusnya berdasarkan kepada matrik korelasi. Salah satu kaedah penentuan ini ialah dengan membuat ujian pengukuran Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) - *Measure of Sampling Adequacy* (MSA). Ujian ini mendapati sukatan pensampelan KMO - MSA ialah 0.818 iaitu menghampiri satu kerana setiap pembolehubah hampir sempurna meramalkan tanpa ralat oleh pembolehubah lain. Manakala ujian Bartlett's pula adalah signifikan ( $p < 0.01$ ) sepertimana ditunjukkan pada Jadual 3. Justeru itu, item pernyataan kajian ini layak untuk analisis faktor kerana nilai KMO - MSA  $> 0.818$  pada aras signifikan  $p < 0.01$ . Menurut Hair et al., (2010) item pernyataan layak untuk analisis faktor apabila nilai KMO - MSA melebihi 0.50 dan mempunyai nilai yang signifikan.

**Jadual 3** Keputusan Kaiser-Meyer-Olkin dan Ujian Bartlett's.

Kaiser-Meyer-Olkin dan Ujian Bartlett's		
Kaiser-Meyer-Olkin (Measure of Sampling Adequacy)		0.818
Ujian Bartlett's (Test of Sphericity)	Anggaran khi-kuasa dua	4.301
	Darjah kebebasan, df	122
	Signifikan	0.000

Analisis faktor juga mendapati item pernyataan 8C mempunyai nilai komunaliti terendah (0.441), manakala 3E paling tinggi (0.796) sepertimana ditunjukkan pada Jadual 4. Nilai item pernyataan kurang daripada 0.4 digugurkan daripada kajian ini. Hal ini kerana menurut Costello dan Osborne (2005) nilai item pernyataan kurang daripada 0.40 perlu digugurkan kerana menunjukkan tiada perkaitan dengan item lain. Manakala nilai *initial communalities* (1.000) bermakna 100 peratus daripada varians dalam item pernyataan dapat diterangkan oleh semua faktor yang telah diekstrakkan. Nilai *extracted communalities* pula mewakili peratus varians dalam item pernyataan yang dapat diterangkan oleh faktor yang telah diekstrakkan.

**Jadual 4** Kommunaliti bagi item pernyataan faktor peramal.

Simbol	Initial	Extraction
7A	1.000	0.456
1B	1.000	0.649
2B	1.000	0.642
3B	1.000	0.594
4B	1.000	0.691
5B	1.000	0.615
7B	1.000	0.743
8B	1.000	0.639
9B	1.000	0.646
1D	1.000	0.477
2D	1.000	0.515
3D	1.000	0.539
4D	1.000	0.557
5D	1.000	0.578
6D	1.000	0.599
7D	1.000	0.540
8D	1.000	0.638
9D	1.000	0.694
10D	1.000	0.495
5F	1.000	0.534
1E	1.000	0.700
2E	1.000	0.763
3E	1.000	0.796
4E	1.000	0.662


**Jadual 4** Kommunaliti bagi item pernyataan faktor peramal (sambungan).

Simbol	Initial	Extraction
5E	1.000	0.559
2C	1.000	0.472
3C	1.000	0.586
4C	1.000	0.486
5C	1.000	0.513
7C	1.000	0.626
8C	1.000	0.441
9C	1.000	0.554
10C	1.000	0.499
1H	1.000	0.566
2H	1.000	0.609
3H	1.000	0.562
4H	1.000	0.489
5H	1.000	0.618
6H	1.000	0.553
1F	1.000	0.585
2F	1.000	0.701
3F	1.000	0.578
4F	1.000	0.442
1A	1.000	0.515
2A	1.000	0.681
3A	1.000	0.746
1G	1.000	0.705
2G	1.000	0.731
5A	1.000	0.600
6A	1.000	0.672

Langkah seterusnya ialah menentukan bilangan faktor peramal atau pembolehubah kajian ini. Penentuan ini dapat dibuat dengan menggunakan dua teknik iaitu berpandukan kepada nilai eigen dan skree plot. Setelah mengira nilai eigen wujud sembilan faktor peramal atau pembolehubah (komponen) dan digunakan dalam kajian ini kerana mempunyai nilai melebihi satu sepertimana ditunjukkan pada Jadual 5. Nilai eigen merupakan jumlah varians yang dijelaskan untuk setiap faktor atau pembolehubah peramal. Kesemua faktor peramal tersebut menyumbang sebanyak 59.70 peratus perubahan varians pembolehubah (faktor pertama = 10.49 peratus, faktor kedua = 10.46 peratus, faktor ketiga = 7.67 peratus, faktor keempat = 7.62 peratus, faktor kelima = 6.18 peratus, faktor keenam = 5.02 peratus, faktor ketujuh = 5.43 peratus, faktor kelapan = 3.92 peratus dan faktor kesembilan = 3.81). Manakala bentuk graf plot skree pula memberikan gambaran bahawa semua pembolehubah mempunyai nilai eigen melebihi satu sepertimana ditunjukkan pada Rajah 1.

**Jadual 5** Keputusan hasil analisis faktor 'Total Variance Explained'

Komponen	Nilai Eigen Permulaan			Ekstraksi Pembebanan Jumlah Kuasa Dua			Putaran Jumlah Kuasa Dua		
	Jumlah	Peratus Varians	Peratus Kumulatif	Jumlah	Peratus Varians	Peratus Kumulatif	Jumlah	Peratus Varians	Peratus Kumulatif
1	11.891	23.782	23.782	11.891	23.782	23.782	5.245	10.490	10.490
2	4.526	9.053	32.835	4.526	9.053	32.835	5.229	10.459	20.948
3	2.563	5.126	37.961	2.563	5.126	37.961	3.835	7.670	28.619
4	2.179	4.358	42.320	2.179	4.358	42.320	3.810	7.620	36.238
5	2.059	4.118	46.438	2.059	4.118	46.438	3.092	6.183	42.422
6	1.861	3.721	50.159	1.861	3.721	50.159	2.509	5.018	47.440
7	1.754	3.509	53.667	1.754	3.509	53.667	2.264	4.528	51.968
8	1.559	3.117	56.785	1.559	3.117	56.785	1.962	3.925	55.893
9	1.460	2.920	59.704	1.460	2.920	59.704	1.906	3.812	59.704



Rajah 1 Plot skree faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli kelab keusahawanan di Terengganu.

Keputusan matrik komponen dengan putaran varimax melibatkan sembilan faktor peramal mendapati faktor pertama memuatkan sembilan item (7A, 1B, 2B, 3B, 4B, 5B, 7B, 8B dan 9B), faktor kedua mempunyai 11 item (1D, 2D, 3D, 4D, 5D, 6D, 7D, 8D, 9D, 10D dan 5F), faktor ketiga mengandungi lima item (1E, 2E, 3E, 4E dan 5E), faktor keempat melibatkan lapan item (2C, 3C, 4C, 5C, 7C, 8C, 9C dan 10C), faktor kelima merangkumi enam item (1H, 2H, 3H, 4H, 5H dan 6H), faktor keenam ada empat item (1F, 2F, 3F dan 4F), faktor ketujuh mengelompokkan tiga item (1A, 2A dan 3A), faktor kelapan memiliki dua item (1G dan 2G) dan faktor kesembilan terdiri dua item pernyataan (5A dan 6A) sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 6. Selain itu, jadual tersebut juga ada memaparkan muatan faktor item pernyataan yang berada dalam setiap kumpulan faktor peramal. Nilai muatan faktor ini merupakan hubungan korelasi antara item pernyataan dengan faktor yang terbentuk dan sangat penting untuk memahami sifat faktor-faktor tersebut. Hanya item pernyataan yang mempunyai muatan faktor melebihi 0.400 sahaja dikekalkan dalam setiap faktor peramal mengikut saranan Ramayah (2011) untuk sampel bawah 200 responden. Maka terdapat sebanyak enam item pernyataan digugurkan kerana mempunyai muatan faktor di bawah 0.400.

Jadual 6 Matriks Komponen dengan Putaran Varimax

Simbol	Komponen								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9
7A	<b>0.440</b>	0.217	0.035	0.098	0.154	0.091	0.390	-0.110	0.089
1B	<b>0.740</b>	0.116	0.042	-0.057	0.106	-0.019	0.135	0.101	0.207
2B	<b>0.722</b>	0.028	0.172	-0.012	-0.033	-0.083	0.043	0.213	0.187
3B	<b>0.700</b>	0.101	0.142	0.117	0.111	0.021	0.120	0.135	0.123
4B	<b>0.702</b>	0.048	0.154	0.347	0.172	0.136	0.032	-0.038	-0.033
5B	<b>0.578</b>	0.237	0.277	0.264	0.131	0.058	0.232	-0.026	-0.062
7B	<b>0.716</b>	0.082	0.164	0.351	0.226	0.137	0.052	-0.025	-0.027
8B	<b>0.644</b>	0.081	0.186	0.243	0.292	0.107	0.146	-0.062	-0.050
9B	<b>0.659</b>	0.106	0.149	0.232	0.254	0.168	0.149	0.095	-0.030
1D	0.137	<b>0.552</b>	-0.053	-0.188	0.250	0.031	0.028	0.172	-0.147
2D	0.026	<b>0.618</b>	0.059	0.115	0.067	-0.072	-0.002	0.320	-0.058
3D	-0.004	<b>0.676</b>	-0.028	0.119	0.167	0.070	0.126	0.125	-0.058
4D	0.172	<b>0.652</b>	0.043	0.193	0.021	0.143	0.187	0.027	0.085
5D	0.106	<b>0.659</b>	0.094	0.119	-0.059	0.259	-0.067	-0.143	0.116
6D	0.043	<b>0.597</b>	0.239	0.159	-0.230	0.168	0.037	-0.217	0.171
7D	0.107	<b>0.660</b>	0.030	0.007	-0.044	0.083	-0.167	-0.211	0.103

Jadual 6 Matriks Komponen dengan Putaran Varimax (sambungan)

Simbol	Komponen								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9
8D	-0.003	<b>0.642</b>	0.122	0.105	-0.107	0.357	0.149	-0.184	0.078
9D	0.111	<b>0.768</b>	0.171	0.052	0.099	-0.038	-0.175	0.132	0.009
10D	0.083	<b>0.670</b>	-0.023	0.011	0.154	0.037	0.020	0.019	-0.113
5F	0.083	<b>0.514</b>	0.021	0.031	0.338	0.323	0.201	-0.030	0.041
1E	0.142	0.101	<b>0.792</b>	-0.011	0.085	0.065	0.118	0.118	0.057
2E	0.280	0.107	<b>0.782</b>	0.162	0.103	-0.083	0.071	0.071	0.085
3E	0.227	0.179	<b>0.815</b>	0.151	0.086	0.017	0.095	0.063	0.067
4E	0.142	0.070	<b>0.752</b>	0.109	0.149	0.133	0.136	-0.031	0.015
5E	0.091	-0.095	<b>0.627</b>	0.184	0.184	0.264	0.051	-0.041	0.079
2C	0.151	0.195	0.144	<b>0.476</b>	0.141	-0.152	-0.042	-0.012	0.345
3C	0.240	0.220	0.002	<b>0.566</b>	0.094	0.141	-0.060	0.159	0.320
4C	0.293	0.109	0.021	<b>0.589</b>	0.096	0.128	-0.003	0.072	0.101
5C	0.325	0.110	0.015	<b>0.525</b>	0.205	-0.088	-0.008	0.133	0.227
7C	0.017	0.024	0.311	<b>0.708</b>	-0.055	-0.128	-0.045	0.034	0.074
8C	0.063	-0.199	-0.057	<b>0.445</b>	0.176	0.189	0.279	0.171	-0.150
9C	0.107	0.031	0.098	<b>0.632</b>	0.176	0.100	0.228	-0.024	-0.198
10C	0.211	0.162	0.097	<b>0.596</b>	0.125	-0.057	0.205	0.054	0.002
1H	0.116	0.132	0.288	-0.045	<b>0.629</b>	-0.098	-0.009	0.203	0.063
2H	0.255	0.027	0.192	0.195	<b>0.598</b>	0.002	0.144	0.091	0.286
3H	0.378	0.028	0.141	0.221	<b>0.565</b>	-0.033	0.092	-0.117	0.086
4H	0.012	0.182	0.216	0.417	<b>0.448</b>	0.074	-0.047	-0.117	0.118
5H	0.230	0.125	0.023	0.204	<b>0.705</b>	0.052	-0.048	0.004	-0.068
6H	0.307	0.069	0.100	0.216	<b>0.560</b>	0.190	0.074	-0.052	0.199
1F	0.212	0.209	0.069	0.048	-0.026	<b>0.697</b>	-0.022	0.006	-0.051
2F	0.007	0.107	0.036	-0.017	0.064	<b>0.818</b>	0.005	0.101	-0.064
3F	-0.053	0.319	0.225	0.016	0.113	<b>0.628</b>	0.048	-0.084	0.078
4F	0.251	0.270	-0.004	-0.036	-0.127	<b>0.414</b>	-0.197	0.056	0.275
1A	0.211	0.045	0.269	-0.129	-0.169	-0.103	<b>0.581</b>	0.019	-0.047
2A	0.255	0.078	0.148	0.167	0.002	-0.042	<b>0.706</b>	-0.062	0.236
3A	0.184	-0.074	0.141	0.209	0.206	0.077	<b>0.747</b>	0.064	0.184
1G	0.062	0.056	0.153	0.096	0.055	-0.040	-0.006	<b>0.812</b>	0.044
2G	0.171	-0.015	-0.008	0.126	-0.031	0.114	0.000	<b>0.815</b>	0.085
5A	0.070	-0.053	0.285	0.092	0.101	0.051	0.090	0.088	<b>0.689</b>
6A	0.183	-0.003	-0.052	0.102	0.197	-0.027	0.293	0.025	<b>0.707</b>

Faktor pertama diterbitkan melalui analisis faktor ialah model peranan yang mempunyai nilai eigen 11.891. Item pernyataan dalam dua pembolehubah asal iaitu kewangan (7A) dan model peranan (1B, 2B, 3B, 4B, 5B, 7B, 8B dan 9B) membentuk faktor ini yang mempunyai muatan faktor antara 0.440 hingga 0.740 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 7. Faktor pertama dinamakan model peranan kerana sifat bersama item adalah agak jelas dari segi dimensi peribadi ahli kelab keusahawanan yang mahu menjadi contoh kepada orang di sekitarnya dalam proses menceburi kerjaya keusahawanan. Dalam masa yang sama, ahli kelab keusahawanan mendapat ransangan dari orang disekitarnya supaya menceburi kerjaya keusahawanan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini telah dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal model peranan mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.723.

Jadual 7 Keputusan analisis faktor model peranan dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor eigenvalue	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min Item	Sisihan piawai	Min faktor
			Model peranan 11.891	0.440	Saya mungkin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan untuk mencari rezeki
	0.740	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri seperti bekas ahli Program Kokurikulum Keusahawanan lakukan	3.61	0.767	
	0.722	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri supaya menjadi ikutan saudara-mara	3.83	0.833	
	0.700	Saya mahu memulakan perniagaan sendiri supaya menjadi ikutan kawan-kawan	3.68	0.904	
	0.702	Kawan rapat menggalakkan saya menjadi usahawan	3.57	0.953	
	0.578	Ahli keluarga menyokong saya menjadi usahawan	3.85	0.903	
	0.716	Rakan sekelas menggalakkan saya menjadi usahawan	3.93	0.771	
	0.644	Guru kelas menggalakkan saya menjadi usahawan	4.04	0.736	
	0.659	Guru pembimbing menggalakkan saya menjadi usahawan	4.01	0.790	

Faktor kedua diterbitkan melalui analisis faktor ialah halangan yang mempunyai nilai eigen 4.526 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 8. Item pernyataan dalam dua pembolehubah asal iaitu halangan (1D, 2D, 3D, 4D, 5D, 6D, 7D, 8D, 9D dan 10D) dan norma sosial



(5F) membentuk faktor halangan yang mempunyai muatan faktor antara 0.514 hingga 0.768. Faktor ini dinamakan halangan kerana sifat bersama item ini hampir jelas kerana berunsur negatif memberi makna halangan yang mempengaruhi ahli kelab keusahawanan sekiranya menceburi kerjaya keusahawanan. Halangan ini termasuklah tidak mempunyai kebolehan, kemahiran, pendapatan, ruang masa, pengetahuan dan idea yang boleh menghalang ahli kelab keusahawanan menceburi kerjaya keusahawanan pada masa hadapan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini telah dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal halangan mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.401.

**Jadual 8** Keputusan analisis faktor halangan dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min item	Sisihan piawai	Min faktor
Halangan 4.526	0.552	Saya tidak berkebolehan mengumpul maklumat untuk menganggarkan potensi jualan seperti ramalan jualan	2.99	0.783	3.401
	0.618	Saya tidak berkebolehan menyediakan unjuran penyata seperti penyata aliran tunai	3.09	0.876	
	0.676	Saya tidak berkebolehan mengubah sesuatu idea menjadi lebih menarik	3.29	0.952	
	0.652	Saya tidak mahir dalam mengenal pasti peluang perniagaan	3.33	0.947	
	0.659	Saya tidak ada cita-cita menyimpan wang untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan	3.86	1.040	
	0.597	Saya tidak memperoleh pendapatan terjamin jika menjadi usahawan	3.59	0.997	
	0.660	Saya tidak mendapat ruang masa yang lebih banyak untuk kehidupan peribadi sekiranya menjadi usahawan	3.52	0.859	
	0.642	Melibatkan diri dalam bidang keusahawanan bukan satu pelaburan amat baik di masa depan	3.84	1.054	
	0.768	Saya tidak tahu perkara perundangan dalam bidang keusahawanan	3.19	0.896	
	0.670	Saya tidak yakin idea perniagaan saya boleh diterima masyarakat	3.21	0.945	
	0.514	Saya tidak ada rakan sekolah mempunyai idea yang baik untuk memulakan perniagaan	3.52	0.949	

Faktor ketiga yang diterbitkan melalui analisis faktor ialah pengenalan sosial sepertimana ditunjukkan pada Jadual 9. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu pengenalan sosial (1E, 2E, 3E, 4E dan 5E) membentuk faktor ketiga. Faktor ini dinamakan pengenalan sosial kerana sifat bersama item ini amat ketara iaitu sejauhmana ahli kelab keusahawanan melihat diri lebih atau kurang dihargai insan di sekitarnya ke arah tingkah laku mereka mahu lakukan pada masa hadapan. Pengenalan sosial ini termasuklah penghargaan kawan-kawan, saudara-mara, keluarga dan anggota masyarakat yang diterima ahli kelab keusahawanan. Penghargaan ini boleh memberi sumbangan kepada kecenderungan mereka menceburi kerjaya keusahawanan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal pengenalan sosial mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.949.

**Jadual 9** Keputusan analisis faktor pengenalan sosial dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min Item	Sisihan piawai	Min faktor
Pengenalan sosial 2.563	0.792	Saya merasai diri dihargai kawan-kawan jika menjadi usahawan	3.71	0.802	3.949
	0.782	Saya merasai diri dihargai masyarakat jika menjadi usahawan	3.84	0.757	
	0.815	Saya merasai diri dihargai saudara-mara jika menjadi usahawan	3.99	0.758	
	0.752	Saya merasai diri dihargai keluarga jika menjadi usahawan	4.24	0.714	
	0.627	Saya percaya kawan rapat saya akan dihargai masyarakat jika menjadi usahawan	3.96	0.790	

Faktor keempat diterbitkan melalui analisis faktor ialah personaliti sepertimana ditunjukkan pada Jadual 10. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu personaliti (2C, 3C, 4C, 5C, 7C, 8C, 9C dan 10C) membentuk faktor ini. Faktor ini dinamakan personaliti kerana sifat bersama item ini agak jelas membawa maksud keperibadian atau perwatakan sedia ada dalam diri ahli kelab keusahawanan. Kesemua item dalam faktor ini telah dikelompokkan di bawah perkara “setuju” kerana min faktor berada pada tahap 3.979.

**Jadual 10** Keputusan analisis faktor personaliti dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min Item	Sisihan Piawai	Min Faktor
Personaliti 2.179	0.476	Saya seorang yang berani menghadapi risiko	3.65	0.786	3.979
	0.566	Saya sentiasa cuba mencapai sesuatu yang lebih baik	4.17	0.673	
	0.589	Saya sentiasa memperbaiki kelemahan diri	4.07	0.721	
	0.525	Saya seorang yang suka bekerja kuat	3.86	0.802	
	0.708	Saya mudah mendapat kawan	3.93	0.771	
	0.445	Saya memahami diri saya	4.04	0.736	
	0.632	Saya seorang yang peramah	4.01	0.790	
	0.596	Saya seorang yang berdikari	4.10	0.700	

Faktor kelima dihasilkan melalui analisis faktor ialah kemahiran keusahawanan yang mempunyai nilai eigen 2.059 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 11. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu kemahiran keusahawanan (1H, 2H, 3H, 4H, 5H dan 6H) membentuk faktor ini. Faktor ini dinamakan kemahiran keusahawanan kerana sifat bersama item hampir jelas iaitu melibatkan keupayaan menyediakan pelan, mengurus, berkomunikasi dengan baik, boleh mendapatkan lesen dan memulakan perniagaan sendiri yang diperolehi pelajar sekolah menengah ketika mengikuti kelab keusahawanan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal kemahiran keusahawanan mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.564.

**Jadual 11** Keputusan analisis faktor kemahiran keusahawanan dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min item	Sisihan piawai	Min faktor
Kemahiran keusahawanan 2.059	0.629	Saya boleh menyediakan pelan perniagaan	3.19	0.735	3.564
	0.598	Saya boleh menguruskan perniagaan	3.58	0.819	
	0.565	Saya ada kemahiran keusahawanan	3.39	0.783	
	0.448	Saya berkeupayaan berkomunikasi dengan baik	3.81	0.787	
	0.705	Saya boleh mendapatkan lesen perniagaan dari agensi kerajaan	3.55	0.813	
	0.560	Saya boleh memulakan perniagaan	3.88	0.740	

Faktor keenam diterbitkan melalui analisis faktor ialah norma sosial yang mempunyai nilai eigen 1.86 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 12. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu norma sosial (1F, 2F, 3F dan 4F) membentuk faktor ini yang mempunyai muatan faktor antara 0.414 hingga 0.818. Faktor ini dinamakan norma sosial kerana sifat bersama item ini agak jelas mewakili interaksi sesama insan ke arah aktiviti keusahawanan. Norma sosial ini termasuklah perilaku tokoh usahawan, insan berjaya, rakan dan sekolah yang memberikan batas ideal bagi ahli kelab keusahawanan agar cenderung menceburi kerjaya keusahawanan pada masa hadapan. Norma sosial mempunyai fungsi dan peranan sebagai pedoman hidup ahli kelab keusahawanan untuk melihat situasi kerjaya dalam bidang keusahawanan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal norma sosial mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.684.

**Jadual 12** Keputusan analisis faktor norma sosial dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min Item	Sisihan piawai	Min faktor
Norma sosial 1.861	0.697	Tokoh usahawan di Malaysia bukan contoh terbaik untuk saya ikuti sebagai panduan menjadi usahawan	3.90	1.091	3.684
	0.818	Saya percaya hasil kerja orang yang berjaya dalam perniagaan tidak diiktiraf dalam masyarakat	3.78	1.012	
	0.628	Sekolah tidak menggalakan saya berniaga sendiri	3.75	0.983	
	0.414	Bekas pelajar sekolah yang memulakan perniagaan tidak mengajak saya berniaga	3.32	0.945	

Faktor ketujuh diterbitkan melalui analisis faktor ialah kewangan yang mempunyai nilai eigen 1.754 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 13. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu kewangan (1A, 2A dan 3A) membentuk faktor ini yang mempunyai muatan faktor antara 0.581 hingga 0.747. Faktor ini dinamakan kewangan kerana sifat bersama item pernyataan ini jelas iaitu cara dan tujuan ahli kelab keusahawanan mendapatkan wang sekiranya menceburi kerjaya keusahawanan. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal kewangan mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.998.

**Jadual 13** Keputusan analisis faktor kewangan dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min item	Sisihan piawai	Min faktor
Kewangan 1.754	0.581	Saya boleh mewarisi kekayaan kepada anak-anak jika melibatkan diri dalam bidang keusahawanan	3.93	0.881	3.998
	0.706	Saya mampu memperoleh pendapatan lumayan jika melibatkan diri dalam bidang keusahawanan	4.00	0.775	
	0.747	Saya boleh membina kekayaan jika menjadi usahawan	4.06	0.834	

Manakala faktor kelapan diterbitkan melalui analisis faktor ialah pengetahuan keusahawanan yang mempunyai nilai eigen 1.559 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 14. Item pernyataan dalam satu pembolehubah asal iaitu pengetahuan keusahawanan (1G dan 2G) membentuk faktor ini yang mempunyai muatan faktor antara 0.812 hingga 0.815. Faktor ini dinamakan pengetahuan keusahawanan kerana sifat bersama item jelas iaitu kombinasi maklumat dan pengalaman yang diperolehi pelajar tentang kerjaya keusahawanan ketika mengikuti kelab keusahawanan di sekolah. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “tidak pasti kebarangkalian faktor peramal pengetahuan keusahawanan mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 2.382.

**Jadual 14** Keputusan analisis faktor pengetahuan keusahawanan dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>Eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min item	Sisihan piawai	Min faktor
Pengetahuan keusahawanan 1.559	0.812	Saya masih kekurangan maklumat keusahawanan	2.37	0.865	2.382
	0.815	Saya masih kekurangan pengalaman keusahawanan	2.39	0.909	

Faktor terakhir diterbitkan melalui analisis faktor ialah kemakmuran yang mempunyai nilai eigen 1.460 sepertimana ditunjukkan pada Jadual 15. Item dalam satu pembolehubah asal iaitu kewangan (5A dan 6A) membentuk faktor ini yang mempunyai muatan faktor antara 0.689 hingga 0.707. Faktor ini dinamakan kemakmuran kerana sifat bersama item ini jelas kerana berunsur positif yang memberi makna ahli kelab keusahawanan melihat kerjaya keusahawanan memberikan mereka kehidupan selesa jika bekerja sebagai usahawan pada masa hadapan. Faktor kemakmuran adalah pembolehubah baharu yang diterbitkan melalui analisis faktor hasil pembentukan item pernyataan daripada konstruk lama. Kesemua item pernyataan dalam faktor ini dikelompokkan di bawah perkara “setuju kebarangkalian faktor peramal kemakmuran mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan” kerana min faktor berada pada tahap 3.531.

**Jadual 15** Keputusan analisis faktor kemakmuran dan tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan

Faktor <i>eigenvalue</i>	Muatan faktor	Item pernyataan	Tahap kebarangkalian mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan		
			Min item	Sisihan piawai	Min faktor
Kemakmuran 1.460	0.689	Saya mampu menikmati kehidupan yang mewah sekiranya bergantung kepada perniagaan	3.43	0.731	3.531
	0.707	Saya mendapat keuntungan berganda jika memulakan perniagaan sendiri	3.63	0.843	

Kajian ini menggunakan faktor peramal kelapan dan kesembilan yang mengandungi dua item pernyataan kerana hanya item tersebut sahaja mempunyai muatan faktor melebihi 0.400. Selain itu, kajian ini mengekalkan penggunaan faktor peramal kelapan dan kesembilan kerana Muhamad Razuhafi et al., (2018) dalam kajiannya juga mengandungi jumlah item pernyataan yang sama pada dua faktor terakhir.

## ■6.0 PERBINCANGAN

Kajian ini tertumpu kepada analisis faktor pengesahan untuk faktor peramal bagi kecenderungan kerjaya keusahawanan. Kajian ini memilih analisis faktor pengesahan kerana semua faktor peramal dikenal pasti menyelidik terdahulu. Kajian ini mendapati item pernyataan digabungkan kepada sembilan kumpulan faktor peramal dengan berpandukan kepada nilai eigen dan skree plot. Faktor peramal pertama yang dikenal pasti melalui analisis faktor ialah model peranan, diikuti halangan, pengenalan sosial, personaliti, kemahiran keusahawanan, norma sosial, kewangan, pengetahuan keusahawanan dan kemakmuran. Selain itu, analisis faktor kajian ini menemui faktor peramal baharu yang dikenali sebagai kemakmuran hasil gabungan item pernyataan dari kumpulan faktor peramal asal. Manakala tahap persetujuan kebarangkalian faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan paling tinggi ialah kewangan (min = 3.998), diikuti personaliti (min = 3.979), pengenalan sosial (min = 3.949), model peranan (min = 3.723), norma sosial (min = 3.684), kemakmuran (min = 3.531) dan halangan (min = 3.401). Sementara itu, pengetahuan keusahawanan adalah faktor peramal yang mempunyai kebarangkalian tidak pasti (min = 2.382) mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan. Kajian ini mendapati kewangan adalah faktor peramal yang penting bagi mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan terhadap kerjaya keusahawanan.

Selain itu, dapatan kajian ini menyokong penemuan terdahulu yang mendapati faktor kewangan (Jonathan et al., 2019), model peranan (Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim, 2019), personaliti (Badariah et al., 2016), halangan (Wan Mohd Zaifurin, 2016), pengenalan sosial (Zaidatul Akhmaliyah dan Afsaneh, 2011), norma sosial (Norudin et al., 2011) dan kemahiran keusahawanan (Affero et al., 2019) mempengaruhi generasi muda terhadap kerjaya keusahawanan. Namun begitu, kajian ini tidak menyamai hasil penemuan Norudin et al., (2011) kerana faktor pengetahuan keusahawanan tidak mampu mempengaruhi kecenderungan ahli kelab keusahawanan terhadap kerjaya keusahawanan.

Dapatan analisis faktor kajian ini dapat memberi dan meringkaskan maklumat supaya penemuan penyelidik terdahulu boleh dilihat dengan teliti mengenai kebarangkalian faktor peramal yang boleh mempengaruhi kecenderungan individu terhadap kerjaya keusahawanan. Tambahan pula, kajian ini melibatkan ahli kelab keusahawanan sekolah menengah dan faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Maka dapatan kajian ini memberi maklumat penting kerana dapat mengetahui kebarangkalian faktor peramal yang manakah memberikan pengaruh kepada kecenderungan mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Walaupun kajian ini mencerminkan dapatan pada masa sekarang, namun tetap menyumbang maklumat berkaitan jangkaan faktor menarik kecenderungan generasi muda ke arah kerjaya keusahawanan dan meningkatkan bilangan mereka dalam pekerjaan atau penghasilan pendapatan melalui perniagaan pada masa hadapan.

## ■7.0 KESIMPULAN

Kajian ini melalui empat langkah utama. Pertama, kajian ini mengenal pasti faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan berdasarkan kepada penemuan penyelidik terdahulu. Kedua, kajian ini menganalisis faktor peramal dengan menggunakan analisis faktor melibatkan Kaiser-Meyer-Olkin (MSO) - *Measure of Sampling Adequacy* (MSA), Ujian Bartlett's, komunaliti, nilai eigen, skree plot dan matrik komponen. Langkah ketiga pula, kajian ini menyelidiki tahap persetujuan kebarangkalian faktor peramal yang mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan setelah selesai menjalankan analisis faktor. Sementara langkah keempat, hasil yang diperolehi daripada analisis faktor peramal dibincangkan secara ringkas untuk melihat perbezaan dapatan kajian ini dengan penemuan beberapa penyelidik terdahulu. Kajian ini menyimpulkan bahawa ahli kelab keusahawanan cenderung ke arah kerjaya keusahawanan kerana mereka melihat pekerjaan tersebut mampu memberi pulangan kewangan yang baik. Hal ini kerana faktor peramal kewangan mempunyai tahap persetujuan kebarangkalian paling tinggi mempengaruhi kecenderungan mereka ke arah kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa faktor kewangan perlu diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan dalam membentuk polisi ke arah melahirkan lebih ramai generasi muda usahawan di Malaysia kerana peramal tersebut mendatangkan impak positif kepada pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelab keusahawanan.

## ■8.0 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan berikut untuk dipertimbangkan secara positif oleh pihak yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan negara.

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia harus mewujudkan kelab keusahawanan di semua sekolah menengah sebagai tempat untuk menyampaikan pengetahuan dan latihan keusahawanan kepada pelajar supaya celik dan memperkasakan diri mereka bahawa ilmu keusahawanan boleh memberi kesenangan hidup,
- b) Pengajaran dalam kelab keusahawanan mestilah memberi banyak tumpuan kepada pratikal supaya pelajar dapat menrealisasikan diri bahawa kerjaya keusahawanan boleh mendatangkan kewangan yang baik,
- c) Kementerian Pendidikan Malaysia mestilah menyediakan jalinan antara pihak pembimbing atau penasihat kelab keusahawanan dan bank pembiayaan mikro serta pendanaan lain supaya dapat membantu aktiviti kelab,
- d) Kementerian Pendidikan Malaysia mestilah menyediakan ruang selesa kepada pelajar lepasan sekolah dengan cara memberikan kemudahan kewangan mencukupi kepada mereka yang cenderung melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan,
- e) Kementerian Pendidikan Malaysia, pentadbir sekolah, guru, penjaga pelajar dan pihak berkaitan keusahawanan perlu berfikir positif dan bekerjasama agar budaya keusahawanan dalam kalangan ahli kelab keusahawanan menjadi amalan yang berterusan, dan
- f) Akhir sekali, kajian ini hanya memberikan gambaran awal tentang pembentukan faktor peramal, maka kekuatan pengaruh kecenderungan keusahawanan dalam kalangan generasi muda masih harus dikaji untuk penyelidikan masa hadapan.

## Rujukan

- Affero Ismail, Wan Nurashida Adnan, Alias Masek, Razali Hassan, Suhaizal Hashim & Mohd Erfy Ismail. (2019). Effectiveness of entrepreneurship programmes in developing entrepreneurship skills towards quality tvet graduates. *Journal of Technical Education and Training*, 11 (1), 81-86.
- Anna Pilkova, Marian Holienka & Jan Rehak. (2014). Senior entrepreneurship in the perspective of European entrepreneurial environment. *Procedia Economics and Finance*, 12, 523-532.
- Andrea Geissinger, Christoffer Laurell, Christian Sandström, Klas Eriksson & Rasmus Nykvist. (2019). Digital entrepreneurship and field conditions for institutional change- Investigating the enabling role of cities. *Technological Forecasting and Social Change*, 146 (September), 877-886.
- Badariah Hj Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. (2016). The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224, 117-123.
- Ben-Roy Do & Alaleh Dadvari. (2017). The influence of the dark triad on the relationship between entrepreneurial attitude orientation and entrepreneurial intention: A study among students in Taiwan University. *Asia Pacific Management Review*, 22, 185-191.
- Costello, A. B. & Osborne, J. W. (2005). Best practices in exploratory factor analysis: Four recommendations for getting the most from your analysis. *Practical Assessment Research @ Evaluation*, 10 (7), 1-9.
- Entika, C.L.E., Mohammad, S., Jabor, M. K. & Osman, S. (2017). Preliminary study on the prominent entrepreneurial skills set in the context of civil engineering practice. *Journal of Technical Education and Training*, 9(2), 94-104.

- H. Amil Değermen Erenkol & Y. Burçak Boydak Öztaş. (2015). Entrepreneurial brand. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 195, 1138-1145.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. (2010). *Multivariate data analysis, seventh edition*. New York: Prentice Hall International Inc.
- Jonathan Kimmitt, Pablo Muñoz & Robert Newbery. (2019). Poverty and the varieties of entrepreneurship in the pursuit of prosperity. *Journal of Business Venturing* available online 14 June. In press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Moussa P. Blimpo & Todd Pugatch. (2019). Entrepreneurship education and teacher training in Rwanda. *Journal of Development Economics*, 140 (September), 186-202.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan, edisi pertama*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Muhamad Razuhanafi Mat Yazid, Muhamad Nazri Borhan & Rozmi Ismail. (2018). Faktor analisis pendorong dan penghalang kepada kenderaan tidak bermotor di Bangi. *Akademika*, 88(1) April, 209-224.
- Noorazman Abd. Samad, Mohd Shahzuan Ghazalan, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Affero Ismail, Hairuddin Harun, Mohd Erfy Ismail, Mohd Hasril Amiruddin & Nizamuddin Razali. (2019). Level of readiness to become entrepreneurs among lifelong learning programmes participants in Malaysian community colleges. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1), 143-150.
- Norudin Mansor, Siti Haryati Shaikh Ali & Nor Aishah Abdul Ghani. (2011). Entrepreneurial intention: Does Malaysian secondary school provide the platform. Kuwait Chapter of Arabian. *Journal of Business and Management Review*, 1(3), 19-35.
- SME Corp. (2016). *Laporan Tahunan PKS 2015/16*. Kuala Lumpur: SME Corporation Malaysia.
- Rahimah Jamaluddin, Mass Hareza Ali, Suhaida Abdul Kadir & Arasinah Kamis. (2019). Impact of fashion entrepreneurship programme on entrepreneurial interests, intention and competencies. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1), 119-128.
- Ramayah T. (2011). Notes for data analysis workshop. School of Management, Universiti Sains Malaysia.
- Te Tie Seng, Amida Abdullah & Abdullah Mat Rashid. (2019). Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawana dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Akademika*, 89(3) Oktober, 41-52.
- Viet Quoc Cao & Tien Thanh Thi Ngo. (2019). Linking entrepreneurial intentions and mindset models: A comparative study of public and private universities in Vietnam. *Gadjah Mada International Journal of Business*, 21(2) May-August, 115-133.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. (2016). Kecenderungan kerjaya keusahawanan di Negeri Terengganu dalam kalangan ahli program tunas niaga. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Terengganu.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika*, 89(2) Julai, 3-15.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. (2016). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41 (1), 87-98.
- Zaidatul Akhmaliyah Lope Pihie & Afsaneh Bagheri. (2011). Malay student' entrepreneur attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary school of Malaysia. *Journal Pertanika Science Social and Humanity*, 19 (2), 433-447.
- Zulnaidi Yaacob & Mohd Kamil Mohd Salki. (2018). Meramal kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar berdasarkan karakteristik individu dan pendidikan keusahawanan. *Jurnal Perspektif*, 10 (2), 45-57.